

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN TONY PUA KIAM WEE
(PETALING JAYA UTARA)**

PERTANYAAN : BERTULIS

Y.B. TUAN TONY PUA KIAM WEE [PETALING JAYA UTARA]

minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan senarai pembeli-pembeli tanah Tun Razak Exchange (TRX) daripada 1MDB mengikut nilai, keluasan dan syarat-syarat utama. Adakah anak syarikat Kementerian Kewangan juga telah membeli tanah TRX dan apakah tujuan pembelian, jika ada.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Projek Tun Razak Exchange (TRX) yang berkeluasan 70 ekar dibangunkan oleh TRX City Sdn Bhd (TRXC). Sehingga kini, TRXC telah menjual lebih 60% plot-plot tanah di TRX. Senarai pembeli-pembeli

tanah TRX adalah seperti berikut:

- a. Mulia Property Development Sdn Bhd – jualan tanah komersial;
- b. Affin Bank Bhd – jualan tanah komersial;
- c. Lembaga Tabung Haji – jualan tanah kediaman;
- d. WCT Precious Development Sdn Bhd – jualan tanah kediaman;
- e. Syarikat milik Menteri Kewangan Diperbadankan – jualan tanah komersial; dan
- f. Lendlease melalui LQ Retail Sdn Bhd, LQ Residential 1 Sdn Bhd, LQ Residential 2 Sdn Bhd dan LQ Residential 3 Sdn Bhd – usahasama TRXC (40%) dan Lendlease (60%) untuk membangunkan tanah komersial dan kediaman.

Tuan Yang Dipertua,

Merujuk kepada transaksi-transaksi di atas, jumlah jualan telah mencapai lebih RM3.5 bilion bagi keluasan tanah kasar atau *gross land area* (dengan izin) sebanyak 30.45 ekar dan keluasan binaan atau *gross floor area* (dengan izin) sebanyak 14,079,406 kaki persegi.

Setiap perjanjian jual beli adalah tertakluk kepada fasal kerahsiaan (*confidentiality clause*, dengan izin) untuk menghormati

pertimbangan komersial (*comercial consideration*, dengan izin) pembeli dan penjual Penjualan tanah tersebut juga mempunyai terma-terma utama (*key terms*, dengan izin) yang berbeza untuk mencerminkan perbezaan bagi setiap jualan (*nature of each sale*, dengan izin). Namun demikian, terma-terma utama yang diguna pakai adalah, secara amnya, konsisten dengan apa yang biasanya terdapat di pasaran bagi jenis urus niaga yang sama.

Tuan Yang Dipertua,

Nilai tanah di TRX dijangka akan meningkat setelah proses pembinaan infrastruktur dan penjualan baki tanah selesai sepenuhnya. Di samping itu, selaras dengan matlamat Kerajaan untuk mewujudkan satu ekosistem hab kewangan yang global dan kondusif di TRX, adalah penting untuk memastikan bahawa institusi tempatan seperti GLC/GLIC, Jabatan Kerajaan, badan kawal selia dan/atau pihak berkuasa yang berkaitan mendapat peluang untuk bertapak di TRX.

Sehubungan dengan itu, pembelian tanah oleh syarikat milik Menteri Kewangan Diperbadankan adalah untuk tujuan pelaburan selaras dengan objektif penubuhan MKD.